

**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 12/70**

Kn.P.U.12

**KANUN TANAH NEGARA, 1965**  
**(No. 56 tahun 1965)**  
**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara, 1965, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada pegawai-pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12(1) daripada Kanun itu bagaimana diperihalkan dalam ruang pertama untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 124 dalam Kanun itu tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihal dalam ruang kedua di bawah ini mulai daripada 1 haribulan Januari, 1970;

Pesuruhjaya Tanah dan Galian	Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada Pertanian bagi tanah desa yang berpegang dengan hakmilik Pendaftar, sama ada tetap atau sementara. (Lihat P.U.No.14/71 WEF 1.8.70)
Pemungut – Pemungut Hasil Tanah	Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada Pertanian yang berpegang dengan hakmilik Pejabat Tanah, sama ada tetap atau sementara. (Lihat P.U.No.14/71 WEF 1.8.70)

**NATIONAL LAND CODE, 1965**  
**(No. 56 of 1965)**  
**DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13**

IN exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code, 1965, the State Authority hereby delegates to the officers appointed under section 12 (1) of the Code as described in the first column the exercise of the powers under section 124 of the Code subject to such conditions and restrictions described in second column hereunder with effect from 1<sup>st</sup> day January, 1970 :

Commissioner of Lands And Mines	All matters relating to change of cultivation and change of category to agriculture in respect of all country land held Registry titles whether final or qualified. (Kn.P.U. 19/71 WEF 1.8.70)
Collector of Land Revenue	All matters relating to change of cultivation and change of category to agriculture in respect of all country land held under Land Office Titles, whether final or qualified.

Dated this 16<sup>th</sup> day of November, 1969  
 [PTG.(Kn) Sulit Bil.80/60/Vol.IV]

NIK ISHAK BIN DATO' HAJI NIK DAUD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 3/74**



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 27

Bil. 4

**14hb Februari, 1974**

*TAMBAHAN No. 2*

*PERUNDANGAN*

---

---

Kn.P.U.3

**KANUN TANAH NEGARA, 1965  
(Bil. 56 tahun 1965)  
MEWAKILKAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 13 dalam Kanun Tanah Negara, 1965, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada pegawai-pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12 (1) daripada Kanun itu yang diperihalkan dalam ruang pertama untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 124 (1) (c) dalam Kanun itu tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihal dalam ruang kedua di bawah ini.

- Pengarah Tanah Dan Galian - Meluluskan permohonan untuk meminda mana-mana syarat nyata atau sekatan kepentingan yang dicatit di atas tanah pertanian yang dipegang di bawah mana-mana Hakmilik Pejabat Pendaftaran Tetap atau Sementara bagi maksud menanam tanaman-tanaman tambahan di atas tanah itu.
- Pemungut Hasil Tanah - Meluluskan permohonan untuk meminda mana-mana syarat nyata atau sekatan kepentingan yang dicatit di atas tanah pertanian yang dipegang di bawah mana-mana Hakmilik Pejabat Tanah Tetap atau Sementara bagi maksud menanam tanaman-tanaman tambahan di atas tanah itu.

Diperbuat pada 17 haribulan November, 1973  
[PTG.Kn.Bil. 14/66/(100)]

NIK ISHAK BIN DATO' HAJI NIK DAUD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*

**NATIONAL LAND CODE 1965**  
**(No. 56 of 1965)**  
**DELEGATION OF POWDERS UNDER SECTION 13**

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code, the State Authority hereby delegates to the officers appointed under section 12 (1) of the Code as described in the first column the exercise of the powers under section 124 (1) of the Code subject to such conditions and restrictions described in second column hereunder.

- |                               |   |
|-------------------------------|---|
| Director of Lands and Mines - | The approval of application to amend any express condition or restriction in interest endorsed on agricultural land held under either permanent or temporary Registry Title for the purpose of planting additional crops on such land.        |
| Collector of Land Revenue -   | The approval of application to amend any express condition or restriction in interest endorsed on agricultural land held under either permanent or temporary District Office Title for the purpose of planting additional crops on such land. |

Made this 17<sup>th</sup> day of November, 1973  
[PTG.Kn.Bil.14/66/(100)]

NIK ISHAK BIN DATUK HAJI NIK DAUD  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 19/76**

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956**  
**(P.T.M. No. 56 tahun 1956)**  
**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dalam Mesyuarat dengan ini mewakili :-

2. Dalam perwakilan kuasa ini, “berketurunan “Syed” atau “Sheikh” atau “Khan” termasuklah mereka yang berikut dan lain-lain yang beragama Islam :
  - (a) Arab
  - (b) India-Pak-sub-continent
  - (c) Turki
  - (d) Indonesia
  - (e) Lain-lain keturunan mengikut fikiran Pengarah Tanah Dan Galian yang boleh diterima sebagai termasuk dalam golongan yang tersebut.

*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 20/77**



Kn.P.U.20

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956**  
**(P.T.M. No. 56 tahun 1956)**  
**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

No.31/1960 PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dalam Mesyuarat dengan ini mewakilkan kepada Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar, Kelantan menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh seksyen - seksyen 3,4 (1) dan 8 (1) Akta Pengambilan Balik Tanah Tahun 1960, mengenai tanah-tanah yang perlu dan mustahak diambil balik untuk projek-projek pembinaan Jalanraya dan Taliair.

2. Perwakilan Kuasa ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Mac, 1977.

Bertarikh pada 1 haribulan Mac, 1977  
[PTG.(Kn) 7060 Jld.2/(36)]

HASSAN BIN HAJI HUSSAIN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 1/78**



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 31

*TAMBAHAN No. 1*

Bil. 1

**5hb Januari, 1978**

*PERUNDANGAN*

---

---

Kn.P.U.1

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956**  
**(No. 56 tahun 1956)**  
**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada pegawai-pegawai yang diperihal dalam Ruang (1) daripada Jadual di bawah ini menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya di bawah peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam Ruang (2), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam Ruang (3) Jadual itu, mulai pada 22 haribulan November, 1977.

**JADUAL**

(1) Pegawai-Pegawai	(2) Peruntukan-Peruntukan	(3) Syarat-syarat dan Sekatan-Sekatan
Setiausaha Kerajaan Kelantan	(a) Seksyen 104 (i) Enakmen Tanah, 1938 (No.26 Tahun 1938)	Kuasa melulus mana-mana permohonan kerana mencagar tanah
	(b) Seksyen 104(iv) Enakmen Tanah, 1938 (No. 18 Tahun 1930)	Kuasa menambah, memotong atau meminda Jadual 26A
	(c) Seksyen 9A Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu, 1930 (No. 18 Tahun 1930)	Kuasa menambah, memotong atau memotong atau meminda Jadual D.
	(d) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta No.56 Tahun 1965)	Kuasa meluluskan permohonan kerana memindahmilik atau mencagar tanah di antara Anak-anak Kelantan bagi mana-mana tanah yang tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan tertentu daripada membuat perkiraan.
	(e) Seksyen 12 (1) Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta No.56 tahun 1965)	Kuasa melantik Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan Penolong-penolong Pemungut Hasil Tanah.

(1) Pegawai-Pegawai	(2) Peruntukan-Peruntukan	(3) Syarat-syarat dan Sekatan-Sekatan
Pengarah Tanah Dan Galian	Seksyen-seksyen 35 dan 40 Enakmen Melombong, 1939 (No.10 tahun 1939)	Kuasa meluluskan permohonan kerana mendapatkan lesen atau permit.

Bertarikh pada 22hb. November, 1977  
[PTG.(Kn).Sulit (M) 2/77]

HASHIM BIN AMAN  
*Pengarah Kerajaan,  
Negeri Kelantan*

**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE, 1956  
(No. 56 of 1956)  
DELEGATION UNDER SECTION 8**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance, 1956 the Ruler hereby delegates to the officers specified in Column (1) of the Schedule hereunder the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in Column (2), subject to such conditions and restrictions specified in Column (3) of the Schedule, with effect from the 22<sup>nd</sup> day of November, 1977.

**SCHEDULE**

(1) Officers	(2) Provisions	(3) Conditions and Restrictions
State Sertetary, Kelantan	(a) Section 104 (i) Land Enactment, 1938 (No. 26 of 1938)	The power to approve any application to charge land.
	(b) Section 104 (iv) Land Enactment, 1938 (No. 26 of 1938)	The power to add to delete from or amend Schedule 26A.
	(c) Section 9A Malay Reservations Enactment 1930 (No. 18 of 1930)	The power to add to delete from or amend Schedule D.
	(d) Section 120 National Land Code, 1965 (No. 56 of 1965)	The power to approve applications to transfer or charge land between the Natives of Kelantan in respect of any land which is subject to any specific condition or restriction against such dealing.
	(e) Section 12 (1) National Land Code, 1965 (No. 56 of 1965)	The power to appoint Collectors of Land Revenue and Assistant Collectors of Land Revenue.
Director of Lands and Mines Kelantan	Sectins 35 and 40 Mining Enactment, 1939 (No. 10 of 1939)	The power to approve application for licence or permit

Dated this 22<sup>nd</sup> day of November, 1977  
[PTG.(Kn) Sulit (M) 2/77]

HASHIM BIN AMAN  
*Director of Government  
State of Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 10/78**



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 31

Bil. 9

27hb April, 1978

TAMBAHAN No. 4

PERUNDANGAN

Kn.P.U.10

## ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956

(No. 56 tahun 1956)

### PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada pegawai yang diperihalkan dalam Ruang (1) daripada Jadual di bawah ini menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam Ruang (2) tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam Ruang (3) daripada Jadual, mulai daripada 15 haribulan April, 1978.

2. *Warta* Kerajaan Kelantan Kn.P.U.Bil.2 bertarikh pada 05hb. Januari, 1978 adalah dengan ini dibatalkan.

#### JADUAL

(1) Pegawai	(2) Peruntukan-Peruntukan	(3) Syarat-syarat dan Sekatan-Sekatan
Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kelantan	Seksyen 42 Kanun Tanah Negara No. 56 Tahun 1965	(i) Kuasa memberimilik semua jenis tanah menurut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.  (ii) Kuasa membenarkan lesen-lesen menduduki sementara di bawah seksyen-seksyen 65, 66 dan 67 Kanun Tanah Negara.

Bertarikh pada 12hb April, 1978

[PTG.(Kn) Sulit (M) 2/77; PTG.Kn.Sulit Bil. 13/75]

WAN ABDUL RASHID BIN HAJI WAN ISHAK

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan

**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE, 1956  
(No. 56 of 1956)**

**DELAGATION UNDER SECTION 8**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance, 1956, the Ruler hereby delegates to the officer specified in Column (1) of the Schedule hereunder the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in Column (2), subject to such conditions and restrictions specified in Column (3) of the Schedule, with effect from the 15<sup>th</sup> day of April, 1978.

2. Kelantan Government Gazette Kn.P.U.No. 2 dated 5<sup>th</sup> January 1978 is hereby cancelled.

**SCHEDULE**

(1) Officer	(2) Provisions	(3) Conditions and Restrictions
The Honourable, Menteri Besar, Kelantan	Section 42 National Land Code No. 56 of 1985	(i) The power to alienate all classes of land in accordance with section 76 of the National Land Code.  (ii) The power to permit temporary occupation licences under sections 65, 66 and 67 of the National Land Code.

Dated this 12<sup>th</sup> day of April, 1978  
[PTG.(Kn) Sulit (M) 2/77: PTG.Kn.Sulit Bil. 13/75]

WAN ABDUL RASHID BIN HAJI WAN ISHAK  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 24/79**



Kn.P.U.24

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956**  
**(No. 56 tahun 1956)**  
**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada pegawai yang diperihalkan dalam ruang (1) daripada Jadual di bawah ini menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam ruang (2), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruang (3) daripada Jadual, mulai pada 10 haribulan Januari, 1979.

2. *Warta* Kerajaan Kelantan Kn.P.U. No. 1 bertarikh pada 5hb. Januari, 1978 adalah dengan ini dipinda dengan membatalkan semua permasukkan yang terdapat bersebelahan dengan butir (a) dalam Jadual itu.

**JADUAL**

(1) Pegawai	(2) Peruntukan-Peruntukan	(3) Syarat-syarat dan Sekatan-sekatan
Menteri Besar, Kelantan	(a) Seksyen 104 (i) Enakmen Tanah, 1938 (No.26/1938)	Kuasa melulus mana-mana permohonan untuk menggadai Tanah
	(b) Seksyen 13A Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu, 1930 (No. 18/1930)	Kuasa melulus mana-mana permohonan untuk menggadai tanah.
	(c) Seksyen 124 Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta No. 56/1965)	Kuasa melulus mana-mana permohonan untuk menukar jenis kegunaan tanah kepada "Bangunan".

Bertarikh pada 10hb. Januari, 1979  
 [PTG.(Kn) 1976 : PTG.(Kn) 176]

ISMAIL BUKHARY BIN ABDULLAH BUKHARY  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Kelantan*

**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE, 1956**  
**(No.56 of 1956)**  
**DELEGATION UNDER SECTION 8**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance, 1965 the Ruler hereby delegates to the officer specified in column (1) of the Schedule hereunder the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in column (2), subject to such conditions and restrictions specified in column (3) of the Schedule, with effect from the 10<sup>th</sup> day of January, 1979.

2. Kelantan Government Gazette Kn.P.U.No. 1 dated 5<sup>th</sup> January, 1978 is hereby amended by deleting all entries appearing against item (a) of the Schedule thereto.

**SCHEDULE**

(1) Officer	(2) Provisions	(3) Conditions and restrictins
Menteri Besar Kelantan	(a) Section 104 (i) Land Enactment, 1938 (No. 26/1938)	The power to approve any application to charge land
	(b) Section 13A Malay Reservations Enactment 1930 (No. 18/1930)	The power to approve any application to charge land
	(c) Section 124 National Land Code, 1965 (Act No. 56/1965)	The power to approve any application to alter the category of land use to “Building”.

Dated this 10hb. Januari, 1979  
[PTG.(Kn) 1976 : PTG.(Kn) 176]

ISMAIL BUKHARY BIN ABDULLAH BUKHARY  
*Clerk of the*  
*State Executive Council*  
*Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 15/80**

Kn.P.U.15

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956**  
**(No. 56 Tahun 1956)**  
**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Kelantan menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam ruang (1), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruang (2) daripada Jadual di bawah ini mulai daripada 11 haribulan Ogos, 1980.

**JADUAL**

(1) Peruntukan-Peruntukan	(2) Syarat-syarat dan Sekatan-sekatan
(a) Seksyen 13A (i) Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak - Anak Melayu, 1930 (No. 18 Tahun 1930) (b) Seksyen 104 (i) Enakmen Tanah, 1938 (No. 26 Tahun 1938)	Kuasa melulus mana-mana permohonan kerana pindahmilik tanah milik Iktisad Negeri Kelantan kepada Bukan Melayu dan/atau Bukan Anak-anak Kelantan bagi maksud-maksud perindustrian.
(c) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara (Akta No. 56 Tahun 1965)	Kuasa melulus permohonan untuk kebenaran supaya dikecualikan daripada apa-apa syarat atau sekatan kepentingan tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan bagi maksud-maksud perindustrian.

Diperbuat pada 11 haribulan Ogos, 1980  
 [PTG.(Kn).Sulit 14/73 Jld.2]

ARIFF BIN OTHMAN  
 Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
 Kelantan

Kn.P.U.15

**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE, 1956**  
**(No. 56 of 1956)**  
**DELEGATION UNDER SECTION 8**

Is exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance, 1956, the Ruler hereby delegates to the Honourable the Menteri Besar, Kelantan the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in column (1), subject to such conditions and restrictions specified in column (2) of the Schedule hereunder with effect from the 11<sup>th</sup> day of August, 1980.

**SCHEDULED**

(1) Provisions	(2) Conditions and restrictions
(a) Section 13A (i) of the Malay Reservations Enactment, 1930	The power to approve any application for the transfer of land alienated to State Economic Development Corporation to non-Malay and/or non-native of Kelantan for industrial purpose.
(b) Section 104 (i) of the Land Enactment, 1938 (No. 26 of 1938)	
(c) Section 120 of the National Land Code (Act No.56 of 1965)	The power to approve application for exemption of the conditions and restrictions of land alienated to State Economic Development Corporation for industrial purposes.

Made this 11<sup>th</sup> day of August, 1980  
[PTG.(Kn) Sulit 14/73 Jld.2]

ARIFF BIN OTHMAN  
Clerk of State Executive Council  
Kelantan



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 20/81**

Kn.P.U.20

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956**  
(No. 56 tahun 1956)

**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Kelantan menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam ruan (1), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruang (2) daripada Jadual di bawah ini mulai daripada 11 haribulan Disember, 1980 :

**JADUAL**

(1) Peruntukan-Peruntukan	(2) Syarat-syarat dan Sekatan-Sekatan
(a) Seksyen 13A (i) Enakmen Simpanan Tanah bagi Anak-anak Melayu, 1930 (No. 18 tahun 1930)	Kuasa melulus mana-mana permohonan kerana pindah milik tanah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan kepada Bukan Melayu dan / atau Bukan Anak-anak Kelantan bagi maksud-maksud perniagaan dan/atau rumah kediaman.
(b) Seksyen 104 (i) Enakmen Tanah, 1938 (No. 26 tahun 1938)	
(c) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara (Akta No.56 tahun 1965)	Kuasa melulus permohonan untuk kebenaran supaya dikecualikan daripada apa-apa syarat atau sekatan kepentingan yang dikenakan kepada tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan bagi maksud-maksud perniagaan dan / atau rumah kediaman.
(d) Seksyen 9 Enakmen Tanah, 1938 (No. 26 Tahun 1938)	Kuasa melulus pemberianmilik tanah kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Diperbuat pada 11hb. Disember, 1980  
[PTG.(Kn) Sulit Bil.32/80]

NIK AZNAN SHAH BIN DATO' NIK ABDULLAH  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE, 1956**  
**(No. 56 of 1956)**

**DELEGATION UNDER SECTION 8**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance, 1956, the Ruler hereby delegates to the Honourable the Menteri Besar, Kelantan the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in column (1), subject to such conditions and restrictions specified in column (2) of the Schedule hereunder with effect from the 11<sup>th</sup> day of December, 1980 :

**SCHEDULE**

(1) Provisions	(2) Conditions and Restrictions
(a) Section 13A (i) Malay Reservations Enactment, 1930 (No. 18 of 1930)	The power to approve any application for the transfer of land alienated to the Kelantan State Economic Development Corporation to non-native of Kelantan for business and/or residential purposes.
(b) Section 104 (i) Land Enactment, 1938 (No. 26 of 1938)	
(c) Section 120 National Land Code (Act No. 56 of 1965)	The power to approve application for the exemption of conditions and restrictions in interest in land alienated to the Kelantan State Economic Development Corporation for business and / or residential purposes.
(d) Section 9 Land Enactment, 1938 (No. 26 of 1938)	The power to alienate land to the Kelantan State Economic Development Corporation.

Made this 11<sup>th</sup> day of December, 1980  
[PTG.(Kn).Sulit Bil.32/80]

NIK AZNAN SHAH BIN DATO' NIK ABDULLAH  
Clerk of State Executive Council  
Kelantan



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 33/81**



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 34

Bil. 19

**10hb September, 1981**

*TAMBAHAN No. 9*

*PERUNDANGAN*

---

---

Kn.P.U. 33.

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA, 1956**  
**(No. 56 tahun 1956)**  
**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa, 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kelantan menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan dalam ruang (1), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruang (2) daripada Jadual, mulai daripada 17 haribulan Jun, 1981.

**JADUAL**

(1)  
Seksyen 120 Kanun Tanah Negara, 1965  
(Akta No. 56/1965)

(2)  
Kuasa melulus mana-mana permohonan kerana jualan atau pajakan tanah-tanah yang dikenakan syarat-syarat kepentingan kepada orang Melayu anak Negeri Kelantan dan kepada orang yang ditetapkan dalam Jadual D Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu, 1930.

**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE, 1956**  
**(No. 56 of 1956)**  
**DELEGATION UNDER SECTION 8**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance, 1956, the Ruler hereby delegates to the Honourable the Menteri Besar, Kelantan the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in Column (1), to subject to such conditions and restrictions specified in Column (2) of the Schedule, with effect from the 17<sup>th</sup> day of June, 1981.

**SCHEDULE**

(1)	(2)
Section 120 National Land Code, 1965 (Act No. 56/1965)	The power to approve any application to sell or lease land which is subject to restrictions of interest to Malays who are native of Kelantan and to persons specified in Schedule D of the Malay Reservations Enactment, 1930.

Bertarikh pada 17hb. Jun 1981  
[PTG.(Kn).Sulit 13/75/927]

NIK AZNAN SHAH BIN DATO' NIK ABDULLAH  
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kelantan



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 15/82**



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 35

*TAMBAHAN No. 9*

Bil. 23

**25hb November, 1982**

*PERUNDANGAN*

---

---

Kn.P.U.15

## **ORDINAN PERWAKILAN KUASA 1956 (No. 56 tahun 1956)**

### **PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kelantan menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan dalam ruang (1), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruang (2) daripada Jadual, mulai daripada 12hb. September 1982.

#### **JADUAL**

(1)  
Seksyen 120 Kanun Tanah Negara  
1965 (Akta 56/1965)

(2)  
Kuasa melulus mana-mana permohonan  
menggadai tanah-tanah yang dikenakan  
Sekatan Kepentingan kepada Orang Melayu  
anak Negeri Kelantan.

**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE 1956**  
**(No. 56 of 1956)**

**DELEGATION UNDER SECTION 8**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance 1956, the Ruler hereby delegates to the Honourable the Menteri Besar, Kelantan the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in Column (1), subject to such conditions and restrictions specified in Column (2) of the Schedule, with effect from the 12<sup>th</sup> day of September 1982

**SCHEDULE**

(1)	(2)
Section 120 National Land Code 1965 (Act 56/1965)	The power to approve any application to charge land which is subject to restriction of interest to Malays who are native of Kelantan.

Bertarikh pada 7hb September 1982  
[SUK (Kn) Sulit 13/75/(35)]

ARIFF BIN OTHMAN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 24/86**



# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 39

Bil. 19

**11hb September, 1986**

*TAMBAHAN No. 11*

*PERUNDANGAN*

---

Kn.P.U.24.

**ORDINAN PERWAKILAN KUASA 1956**  
**(No. 56 tahun 1956)**

**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956, Raja dalam Mesyuarat dengan ini mewakilkan kepada Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Kelantan, menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh seksyen 124A Kanun Tanah Negara (Akta No. 56/1965) mengenai permohonan serentak bagi memecah sempadan dan mengubah syarat tanah-tanah yang akan dipecah untuk Projek Program Khas Perumahan Kos Rendah bagi Negeri Kelantan mulai daripada 16hb. Julai 1986.

Bertarikh pada 25hb. Ogos 1986  
[PTG.(Kn) Sulit Bil. 6678/2/(17)]

KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD ZIN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Kelantan*



**DELEGATION OF POWERS ORDINANCE 1956**  
**(No. 56 of 1956)**

**DELEGATION UNDER SECTION 8**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Delegation of Powers Ordinance 1956, the Ruler in Council hereby delegates to the Menteri Besar and Timbalan Menteri Besar Kelantan, the exercise of powers conferred upon the State Authority by virtue of the provision of 124A National Land Code (Act No. 56/1965) relating to simultaneous application for subdivision and to vary conditions etc. in respect of the proposed subdivision portions for the Low Cost Housing Project Special Programme in Kelantan with effect from 16<sup>th</sup> July 1986.

Dated this 25<sup>th</sup> August 1986  
[PTG.(Kn) Sulit Bil.6678/2/(17)]

KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD ZIN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 14/88**

## **ORDINAN PERWAKILAN KUASA 1956**

### **PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada Menteri Besar Kelantan menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan dalam ruang (1), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruang (2) daripada Jadual mulai dari 25hb. April 1988.

#### **JADUAL**

(1)	(2)
(a) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/65)	Kuasa melulus mana-mana permohonan pindah milik tanah di luar kawasan rizab Melayu yang dikenakan syarat-syarat kepentingan antara orang-orang Bukan Melayu anak Kelantan.
(b) Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 (Enakmen 18/30)	Kuasa melulus mana-mana permohonan pindah milik tanah di luar kawasan rizab Melayu yang dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu kepada anak cucu dan sebaliknya.

## **DELEGATION OF POWERS ORDINANCE 1956**

### **DELEGATION UNDER SECTION 8**


IN exercise of the power conferred by section 8 of the Delegation of powers Ordinance 1956, the Ruler hereby delegates to the Menteri Besar of Kelantan, the exercise or performance of the powers conferred upon him by virtue of the provisions specified in column (1), subject to such conditions and restrictions specified in column (2) of the Schedule with effect from the 25<sup>th</sup> day of April 1988.

## SCHEDULE

(1)	(2)
(a) Section 120 of the National Land Code 1965 (Act 56/65)	The power to approve any application to transfer land outside Malay reservation area which is subject to restriction of interest between non Malays who are natives of Kelantan.
(b) Section 13A of the Malay Reservations Enactment 1930 (Enactment 18/30)	The power to approve any application to transfer land outside Malay reservation area owned by non Malays to their children, grandchildren and vice versa

Bertarikh pada 12hb Mei 1988  
[PTG.Kn. Sulit 1375/(38)]

KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD ZIN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Kelantan*



**WARTA KERAJAAN  
KELANTAN  
Kn. P.U. 15/88**

## ORDINAN PERWAKILAN KUASA 1956

### PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956, Raja dengan ini mewakilkan kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya mneurut peruntukan dalam ruang (1), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruang (2) daripada Jadual, mulai dari 25hb. April 1988.

#### JADUAL

(1)	(2)
(a) Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/65)	Kuasa melulus mana-mana permohonan gadaian tanah kepada Institusi-institusi kewangan yang diiktirafkan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 atau Jadual 26A Enakmen Tanah 1938.
(b) Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 (Enakmen 18/30)	Kuasa melulus mana-mana permohonan gadaian tanah kepada institusi-institusi kewangan yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan
(d) Seksyen 104 (i) Enakmen Tanah 1938 (Enakmen 26/38)	Kuasa melulus mana-mana permohonan gadaian tanah kepada institusi-institusi kewangan yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan.

2. Perwakilan kuasa yang diberi kepada Menteri Besar Kelantan sebagaimana yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U.24 bertarikh 1hb. Mac 1979 adalah dengan ini dibatalkan.

## DELEGATION OF POWERS ORDINANCE 1956

### DELEGATION UNDER SECTION 8

